



## KESALAHAN KHALWAT DALAM JENAYAH ISLAM

### Apakah itu Khalwat?

Kesalahan khalwat adalah kesalahan boleh tangkap dan penguatkuasa tidak memerlukan waran tangkapan. Yang mana tertuduh tersebut akan diikat dengan jaminan sehingga dibicarakan (jika dibenarkan jaminan).

Pihak pegawai penguatkuasa mempunyai SOP tertentu dan khusus dalam melaksanakan proses tangkapan. (merujuk kepada pengalaman sebagai seorang peguam syarie).

Berdasarkan tatacara jenayah syariah; kes jenayah syariah akan dimulai dengan maklumat. Sekiranya pihak penguatkuasa mendapat maklumat berkenaan adanya suatu kesalahan disyaki.. maka pihak penguatkuasa perlu menjalankan proses siasatan. Proses siasatan perlu dilakukan dengan pergi ke tempat kejadian.

### Hukum

Firman Allah Taala:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوَاجَ إِذَا كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

*Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)*

( Surah al-Isra', 17:3 )

Jelaslah maksud "jangan mendekati" dalam al-Quran menunjukkan bahawa semua saranan yang membawa kepada zina seperti pandangan mata, sentuhan dan berkhalwat adalah haram dan wajar dijauhi.

### Elemen Khalwat :

Seksyen 29. Khalwat

(1) Mana-mana:-

(a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya;

(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,

di mana-mana \*tempat yang terselindung\* atau \*di dalam rumah\* atau \*bilik\* \*dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak\* bahawa \*mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral\* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi membuktikan wujudnya kesalahan tersebut; penguatkuasa perlu mengakses masuk kedalam kediaman/rumah/bilik bertujuan memastikan tertuduh itu benar - benar memenuhi elemen - elemen di atas.

Perbuatan tidak bermoral dilakukan di tempat awam boleh didakwa di bawah kesalahan seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (perbuatan tidak sopan), TETAPI jika perbuatan itu dilakukan di tempat terselindung dan tertutup ianya adalah khalwat

Khalwat bukan satu perbuatan yang mulia dan baik. Jika tidak dibebankan dengan tanggungan jenayah maka ia boleh terlajak kepada ZINA!!!!!!..

Disediakan oleh:

Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam

Pensyarah

Jabatan Undang-undang,

Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIS